

# Penilaian risiko perkukuh keselamatan ibadah korban

UUM/AA87/BRTM/1.6.2026/P:1-5(1)

6-7 minutes



Foto janaan AI/RTM

SAUDARA PENGARANG

RINGKASAN BERITA AI

- Laksanakan penilaian risiko menyeluruh sebelum operasi korban untuk kenal pasti bahaya, nilai risiko dan tentukan kawalan sesuai.
- Kawal pengendalian haiwan besar dengan susun atur tambatan kukuh, zon larangan orang awam dan petugas berdisiplin.
- Sediakan pelan keselamatan ringkas, taklimat petugas, fasiliti pertolongan cemas dan langkah kebersihan untuk elak kecederaan serta pencemaran daging.

Ibadah korban merupakan syiar Islam yang besar maknanya. Ia bukan sahaja melambangkan ketaatan dan pengorbanan, malah memperkukuh nilai kebersamaan, kesyukuran dan kepedulian sosial dalam masyarakat.

Setiap tahun, umat Islam di seluruh negara bergotong-royong melaksanakan ibadah korban di masjid, surau, institusi, kampung, pusat pengajian mahupun pusat penyembelihan yang disediakan secara khusus.

Di sebalik nilai ibadah dan semangat gotong-royong tersebut, pelaksanaan korban turut melibatkan pengurusan operasi yang memerlukan penyelarasan rapi.

Ini termasuk penerimaan haiwan, tambatan, kawalan pergerakan haiwan, proses sembelihan, melapah, pengagihan daging serta pengurusan kawasan operasi.

Aktiviti ini melibatkan haiwan besar seperti lembu dan kerbau, penggunaan peralatan tajam, pergerakan petugas yang ramai, kehadiran orang awam serta kawasan kerja yang perlu sentiasa dikawal dari aspek keselamatan, kesihatan dan kebersihan.

Kejadian maut melibatkan seorang individu yang ditanduk kerbau ketika membantu ibadah korban di Ulu Tiram, Johor baru-baru ini wajar dijadikan peringatan bersama tentang pentingnya aspek keselamatan dalam pengurusan korban.

Kejadian ini bukan untuk menimbulkan kebimbangan terhadap pelaksanaan ibadah korban, sebaliknya menjadi isyarat bahawa pengendalian haiwan besar memerlukan perancangan, kawalan risiko dan penyelarasan petugas yang lebih tersusun.

Dalam konteks Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, aktiviti korban wajar dilihat melalui pendekatan penilaian risiko.

Pendekatan ini bukan bertujuan menyukarkan pelaksanaan ibadah, tetapi memastikan setiap proses dapat dijalankan dengan lebih tertib, selamat dan berkesan.

Melalui penilaian risiko, penganjur dapat mengenal pasti bahaya, menilai tahap risiko dan menyediakan langkah kawalan yang sesuai sebelum sesuatu kejadian tidak diingini berlaku.

Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam Sektor Pertanian yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) menekankan bahawa pengurusan risiko perlu bermula dengan mengenal pasti bahaya, menilai risiko, melaksanakan kawalan dan menyemak keberkesanan kawalan tersebut.

Pendekatan ini amat relevan untuk diaplikasikan dalam pengurusan pusat penyembelihan korban, khususnya apabila melibatkan haiwan ternakan dan kerja fizikal yang memerlukan koordinasi petugas secara berdisiplin.

Antara risiko utama yang perlu diberi perhatian ialah pengendalian haiwan korban sebelum proses sembelihan.

Haiwan besar boleh bertindak di luar jangkaan, terutama apabila berada dalam keadaan tertekan, terkejut, kepanasan, dikelilingi orang ramai atau tidak biasa dengan persekitaran baharu.

Risiko seperti ditanduk, ditendang, dipijak, dihimpit, diseret tali atau dirempuh haiwan yang terlepas perlu dikenal pasti secara khusus dalam penilaian risiko pusat korban.

Sehubungan itu, kawasan penerimaan dan tambatan haiwan perlu disusun dengan baik.

Laluan masuk haiwan hendaklah jelas, tempat tambatan mestilah kukuh, jarak antara haiwan perlu dikawal dan orang awam tidak sepatutnya berada terlalu hampir dengan zon pengendalian haiwan.

Haiwan yang agresif atau sukar dikawal pula wajar diasingkan dan dikendalikan oleh petugas yang lebih berpengalaman.

Proses merebahkan haiwan merupakan antara fasa paling kritikal dan perlu dikendalikan oleh petugas yang ditetapkan sahaja.

Koordinasi pasukan, arahan yang jelas dan kawalan bilangan petugas dalam zon kerja amat penting bagi mengelakkan pergerakan tidak terkawal serta risiko kecederaan.

Penggunaan tali juga perlu dibuat secara selamat, termasuk mengelakkan tali dililit pada tangan, lengan atau badan kerana boleh menyebabkan petugas diseret sekiranya haiwan meronta.

Selain itu, aspek kebersihan, sanitasi dan keadaan kawasan kerja perlu diberi perhatian sepanjang operasi korban.

Kawasan sembelihan, melapah dan pengagihan daging hendaklah disusun dengan kemas, laluan kerja tidak terhalang, sistem saliran berfungsi dan pembersihan dilakukan secara berkala bagi mengurangkan risiko tergelincir, tersandung serta memastikan daging korban diuruskan dengan baik.

Bagi memperkukuh keselamatan, setiap pusat korban wajar menyediakan plan keselamatan ringkas sebelum program bermula.

Plan ini boleh merangkumi susun atur kawasan, zon larangan orang awam, peranan petugas, prosedur pengendalian haiwan, plan tindakan kecemasan, lokasi peti pertolongan cemas dan kaedah komunikasi.

Taklimat keselamatan pula perlu diberikan kepada semua petugas supaya mereka jelas tentang peranan, kawasan kerja dan tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku kecemasan.

Pengurusan orang awam juga penting bagi memastikan operasi tidak terganggu.


Kehadiran ahli keluarga, kanak-kanak, peserta korban dan orang ramai perlu disusun melalui zon pemerhatian pada jarak selamat, manakala kawasan tambatan, merebahkan haiwan, sembelihan dan melapah hanya dihadkan kepada petugas berkaitan.

Keselamatan ibadah korban merupakan tanggungjawab bersama.

Aspek ini memerlukan kerjasama penganjur, petugas, peserta korban, ahli kariah, sukarelawan dan orang awam.

Dengan penilaian risiko yang terancang, ibadah korban dapat dilaksanakan dengan lebih tertib, selamat dan penuh tanggungjawab tanpa menghilangkan semangat gotong-royong serta keberkatan ibadah.

*Artikel ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan mahu pun pendirian rasmi RTM.*



Ts. Dr. Syazwan Syah Zulkifly

Timbalan Pengarah

Bahagian Pengurusan Risiko

Pensyarah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Universiti Utara Malaysia

E-mel: [syazwan.syah@uum.edu.my](mailto:syazwan.syah@uum.edu.my)